

Headline	Teater Monolog Jual Ubat di Alor Setar		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	18 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	8	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,326
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,978



Teater Monolog Jual Ubat di Alor Setar

» Khalid Salleh **buat persembahan solo** di Taman Budaya Pumpong

Oleh Akmal Abdullah
akmel@bh.com.my

Aktivis teater dan puisi terkenal, Khalid Salleh bakal muncul dalam persembahan solo *Teater Monolog Jual Ubat* yang akan dipentaskan di Taman Budaya Pumpong, Alor Setar, pada 23 Ogos ini.

Persembahan itu dijayakan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri (JKKN) Kedah dalam usaha mendedahkan kepada peminat dunia seni dan sastera mengenai teknik persembahan sebuah monolog tanpa muzik yang akan dipentaskan lebih sejam.

ia dibuka secara percuma kepada orang ramai dengan persembahan dijadualkan bermula jam 8.30 malam.

Khalid ketika ditemui B*POP berkata, persembahan teater monolog itu agak unik kerana ia membabitkan

sebuah puisi panjang yang pernah dideklamasikannya kemudian diolah menjadi sebuah skrip teater monolog yang dihidupkan dengan dengan gaya lakonan.

“Menerusi teater monolog ini, pelakornya hanya saya

seorang saja sesuai dengan genre teater ini sebagai monolog. Saya cuba sampaikan cerita penjual ubat di kaki lima yang diganggu oleh sekumpulan burung gagak. Di situlah bermulanya konflik ceritanya.

“Saya kaitkan kisah burung gagak dalam cerita teater monolog ini berkaitan dengan rasuah dan kenapa gagak jadi hitam sebab ia mengamalkan rasuah sebab asalnya ialah manusia.

Gerak lakon intonasi

“Ironi gagal diambil kerana warna bulunya hitam dan dia dulunya manusia yang banyak dosa kerana melakukan rasuah dan penyelewengan kuasa. Skrip ini

pernah saya pentaskan di ASWARA, Taman Budaya Negeri Sembilan dan Pulau Pinang serta beberapa lokasi lain menerusi deklamasi puisi panjang. Olahannya disesuaikan menjadi naskah skrip monolog, malah saya akan persembahkan tanpa ada iringan muzik melainkan diisi dengan props yang berupa batu dan botol.

“*Teater Monolog Jual Ubat* akan lebih kepada isi cerita, banyak bermain dengan gerak lakonan dan intonasi vokal. Saya harap peminat puisi di Kedah datang beramai-ramai menyaksikan

teater monolog ini, malah ia dibuka kepada orang ramai secara percuma menerusi anjuran JKKN Kedah.

“Saya berterima kasih kepada pihak penganjur yang memberi peluang kepada saya untuk bertemu penggemar teater dan sastera di Kedah. Peluang ini amat saya hargai dan memberi peluang kepada mereka untuk menyaksikan aksi lakonan saya di pentas.

“Saya juga akan menyampaikan ceramah saya menerusi Bengkel Seni Lakon di tempat sama pada keesokannya, iaitu 24 Ogos, dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari. Penyertaan diuruskan oleh pihak JKKN Kedah,” kata Khalid yang kini masih rancak menjual buku karyanya berjudul *Melayu Hilang Di Dunia*.

Headline	Teater Monolog Jual Ubat di Alor Setar		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	18 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	8	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	305 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,326
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,978

